

10 MAR 2004

Pilihan raya-Samy (Subramaniam)

SUBRAMANIAM SUDAH MENIKMATI SEMUA - SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata timbalannya Datuk S. Subramaniam, yang digugurkan dari senarai calon MIC, telah "menikmati segala-galanya" sejak 30 tahun berkecimpung dalam arena politik.

"Datuk Subra telah menikmati semua...beliau pernah menjadi setiausaha parlimen, timbalan menteri dan juga anggota parlimen," katanya ketika mengulas penguguran Subramaniam dari senarai calon MIC untuk pilihan raya umum 21 Mac ini.

Senarai calon MIC untuk sembilan kerusi Parlimen dan 19 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) diumumkan Samy Vellu di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau berkata Subramaniam, yang berusia 60 tahun, selama ini diberi peluang untuk berkhidmat dalam pelbagai tugas.

Samy Vellu berkata walaupun apabila timbalannya tidak dicalonkan pada pilihan raya 1990 kerana situasi politik ketika itu, tetapi beliau (Samy Vellu) telah meminta Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad, melantik Subramaniam sebagai senator dan juga timbalan menteri.

Dilahirkan pada 26 Okt 1944, di Ladang Lima Belas, Slim River, Perak, Subramaniam berkhidmat di Penerbangan Malaysia (MAS) sebagai pentadbir sumber manusia sebelum dilantik sebagai setiausaha parlimen di Kementerian Buruh dan Sumber Manusia ketika itu pada September, 1974.

Pada Julai 1976, beliau dilantik sebagai timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri dan selepas itu di beberapa kementerian dan kini di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Subramaniam mula bertanding bagi kerusi Parlimen Damansara pada pilihan raya umum 1974 dan menang tetapi selepas itu pada pilihan raya umum 1978, beliau ditewaskan oleh calon DAP, V. David.

Beliau dipilih sebagai anggota parlimen Segamat, Johor, pada pilihan

raya umum 1982 dan 1986, digugurkan pada pilihan raya umum 1990 dan sekali lagi menang pada pilihan raya umum 1995 dan 1999.

Ditanya sama ada Subramaniam boleh membantu berkempen untuk calon baru kerusi parlimen Segamat, Dr S.Subramaniam, Samy Vellu berkata: "Jika dia mahu kerja...boleh. Saya tidak paksa dia...kebiasaannya calon baru disokong oleh bekas calon."

Menjawab satu lagi soalan berhubung Subramaniam, presiden parti itu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata beliau hanya membuat perubahan bagi memberi peluang kepada muka baru untuk berkhidmat bagi parti dan masyarakat.

"Saya tidak gugur sesiapa...Saya hanya mengubah untuk memastikan pasukan yang dapat bekerjasama dengan saya bagi menghadapi cabaran yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia," katanya.

Samy Vellu berkata beliau percaya barisan calon kali ini akan membuat pencapaian yang baik pada pilihan raya kali ini berbanding pilihan raya lepas.

Ditanya sama ada wujud dua kem dalam MIC berikutan pengguguran timbalan presidennya, Samy Vellu berkata: Tidak ada kem...di sini hanya sebuah kem iaitu kem presiden."

"Saya tidak mahu bercakap apa-apa tentang hubungan. Saya hanya mahu bercakap tentang calon pilihan raya. Saya tidak bimbang tentang apa orang lain kata," jelasnya.

Samy Vellu juga berkata beliau telah menasihatkan calon supaya menjaga pengundi dan orang ramai di kawasan masing-masing dan sentiasa hadir sesi Parlimen dan persidangan Dewan Undangan Negeri serta menghantar laporan bulanan kepada presiden parti selepas dipilih nanti.

"Jagalah nama parti...cuba fahami penderitaan rakyat dan keperluan golongan miskin. Ini semua penting dalam politik," katanya.

-- BERNAMA

RV JM DC RON